

## **KAEDAH EKLEKTIK DAN ORAL-AURAL DALAM MEMBANTU MURID TAHUN 3 MENGUASAI SUKU KATA KV DAN KVKV**

Oleh

**Liza Rozy Anak Ulok**

### **ABSTRAK**

*Kajian saya bermula apabila saya melihat masalah pembelajaran yang dialami oleh Ray, seorang murid Tahun 3 yang mengalami masalah untuk membunyi, menulis, mengingat mahupun mengecam suku kata KVKV. Oleh itu, saya mengambil tindakan menggunakan Kaedah Eklektik yang digabungkan dengan Kaedah Oral-Aural secara berterusan untuk membantu Ray mengatasi masalah tersebut. Setelah menjalankan bimbingan selama hampir dua bulan, usaha saya membawakan hasil yang boleh dibanggakan. Kajian ini melibatkan data pemerhatian dan penyemakan lembaran kerja. Kini, Ray boleh membunyi, menulis, mengingat serta juga mengecam suku kata KVKV dengan tepat sama ada melihat gambar, tanpa melihat gambar atau hanya mendengar suku kata KVKV yang disebut.*

### **1.0 Pengenalan**

Sekolah Kebangsaan BT terletak kira-kira 10 kilometer dari bandaraya Kuching. Sekolah Kebangsaan BT ini didirikan pada 5 Januari 1998 dan telah mendapat nama sempena Taman BT dan lokasi sekolah ini adalah di tengah-tengah kawasan taman perumahan tersebut. Tahun demi tahun, keperluan pendidikan semakin bertambah dan bilangan murid juga semakin bertambah ramai, sehingga bilangan murid di sekolah ini adalah seramai hampir 500 orang dengan 30 orang guru dan 3 orang kakitangan sokongan. SK BT mempunyai dua buah prasekolah dan memiliki 12 buah kelas di mana setiap tahun memiliki dua buah kelas masing-masing. Rata-rata murid sekolah ini terdiri daripada kaum Melayu dan Iban, dan mereka bukan sahaja datang dari sekitar kawasan sekolah, tetapi ada yang datang dari luar seperti Taman DW.

Sekolah ini walaupun terletak berhampiran dengan bandar MJ, tetapi murid-murid sekolah ini kebanyakannya masih tidak dapat menguasai kemahiran membaca sedangkan bahan bacaan mudah diperolehi. Ada di antara murid mempunyai latar belakang prasekolah kerana anggapan ialah sekiranya seseorang murid itu mempunyai latar belakang pendidikan prasekolah, maka masalah penguasaan mengenal huruf dan membaca tidak dialami di sekolah ini. Namun hakikatnya, ramai murid Tahap 1 yang masih tidak menguasai kemahiran bacaan seperti dari segi mengenal abjad atau menulis abjad dengan betul. Ini termasuk murid-murid Tahap 2. Apabila diselidiki, masalah murid yang tidak menguasai kemahiran bacaan adalah

disebabkan oleh faktor jarang datang sekolah dan ada yang sudah berumur 10 tahun yang tidak pernah ke sekolah.

Sejak saya mula menjajak kaki dan melapor diri di SK BT pada 22 Jun 2009 sehingga 18 September 2009 untuk menjalani praktikum di sekolah tersebut, saya mengajar Kelas M iaitu kelas pemulihan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Pemulihan Tahun 2 dan Tahun 3 selain mengajar Matematik Pemulihan bagi Tahun 2. Semasa pertama kali mengendalikan kelas pemulihan, saya merasa agak kekok dan lama-kelamaan akhirnya saya boleh bergaul mesra kerana kebanyakan murid bersifat aktif dan boleh belajar bersama mereka. Apa yang boleh saya perhatikan ialah kebanyakan murid memerlukan perhatian dan penghargaan untuk meningkatkan motivasi mereka untuk belajar.

## 1.2 Keprihatinan Saya

Kajian ini bermula apabila saya menyemak kertas Ujian Diagnostik Bahasa Melayu Bertulis yang saya jalankan pada 2 Julai 2009. Seorang murid bernama Ray (nama samaran) yang berumur 9 tahun dan merupakan anak kembar mengalami masalah mengingat, mengecam, menulis dan membunyikan suku kata KVKV. Berikut adalah beberapa contoh kesilapan Ray yang dalam kertas Ujian Diagnostik berkenaan.

### 1) MENULIS SUKU KATA

SUKU KATA KVKV	RAY TULIS
Cili	eili
Kuda	nuda
Baju	daju


### 2) MEMBUNYIKAN SUKU KATA

SUKU KATA KVKV	RAY BUNYIKAN SUKU KATA
Lori	jari
Dagu	gugu
Bata	mata

Ray juga menghadapi masalah untuk mengingat atau mengecam suku kata yang melibatkan suku kata yang dipaparkan pada jadual berikut. Masalah ini dikenal pasti setelah saya mengarahkannya untuk menunjuk suku kata yang saya sebut.

SUKU KATA KV YANG SUKAR BAGI RAY	
ma	na
si	ci
ga	ja
ba	da

Apabila dilihat personaliti dan penampilan Ray yang tiada cacat cela, bersih dan kemas semasa ke kelas, tanggapan awal saya terhadap beliau ialah bahawa murid ini tidak bermasalah. Namun, apabila saya mengarahkan untuk membunyiakan suku kata atau menunjuk suku kata KV, Ray kelihatan menghadapi masalah. Oleh yang demikian, saya merasakan bahawa saya perlu membantu Ray memandangkan murid ini akan naik ke Tahap 2 tahun depan dan merasakan murid ini mempunyai potensi tinggi untuk menguasai kemahiran membaca dengan cepat kerana tidak mengalami masalah untuk mengenal huruf atau abjad. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan hasil kerja Ray.



Rajah 1 dan 2 : Hasil kerja Ray sebelum tindakan

### 1.3 Fokus Kajian Saya

Setelah menyedari akan pemasalahan pembelajaran yang dialami oleh Ray. Maka saya telah membuat perancangan untuk membantu Ray menguasai kemahiran KVKV dan seterusnya boleh menguasai kemahiran membaca. Saya telah membuat perancangan dan mulakan langkah penyelesaian yang saya tahu berdasarkan pengetahuan sama ada diperolehi melalui bacaan, kuliah atau bahan cetak dan elektronik yang telah saya perolehi.

Smith (1971) menjelaskan bahawa membaca adalah satu bentuk psikolinguistik yang merupakan satu langkah lanjutan dalam memproses perkembangan pembelajaran yang diterima. Aktiviti membaca adalah satu aktiviti pentafsiran dan menterjemah lambang-lambang bercorak kepada

bunyi-bunyi yang dimaksudkan. Oleh itu, secara keseluruhannya membaca merupakan beberapa proses yang kompleks, gabungan beberapa proses seperti proses sensori, proses pengamatan, proses linguistik dan proses mental (Frie, 1963).

Oleh yang demikian, langkah penyelesaian yang saya gunakan untuk membantu Ray adalah melalui Kaedah Eklektik (Campuran) digabung dengan Kaedah Oral-Aural (Dengar-Tutur). Kaedah Eklektik merupakan gabungan pendekatan membina dan cerakinan. Membina adalah kaedah bunyi, huruf dan suku kata manakala cerakinan pula mengandungi kaedah perkataan, rangkai kata, ayat dan semua kaedah ini juga disebut pandang dengar (Isahak Haron, 2009). Melalui kaedah ini, pengajaran lebih berpusatkan murid dan dimulakan dengan gabungan antara kemahiran mendengar dengan kemahiran membaca. Ia juga melibatkan semua kemahiran yang lain seperti kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran bertulis (Maimun Aqsha Lubis, 1991). Dapatan kajian Hj Maimun Aqsha Lubis (1991), kajian ke atas pengajaran bahasa dalam kalangan pelajar Melayu menggunakan kaedah Eklektik mendapati bahawa penggunaan Kaedah Eklektik dalam pengajaran bahasa sangat berkesan bagi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis di peringkat pertengahan.

Kaedah Oral-Aural (Dengar-Tutur) lebih kepada dialog untuk dihafaz dan diikuti secara ajukan. Kaedah ini bermula dengan sebutan lisan dan dialog dianggap realistik dan dilatih secara latih tubi secara berulang kali dengan memberikan perhatian kepada intonasi yang betul. Bahan rakaman, alat pandang-dengar atau bahan elektronik boleh digunakan. Latih tubi semuanya dibentuk dalam situasi yang realistik, disertai dengan alat pandang dengar yang lengkap. Latihan menyebut dan membaca bahan dikawal oleh bahan yang telah disusun rapi. Perbendaharaan kata misalnya diberi sedikit demi sedikit pada awalnya dan selalunya berdasarkan penggunaan dan makna. Setelah menguasai bacaan, latihan akan diteruskan kepada aktiviti menulis yang dikawal dan terhad menggunakan bahan-bahan yang telah dipelajari, dan selepas itu bahaarulah latihan meulis bebas digunakan. Tujuan pengajaran Oral-Aural ini adalah untuk membolehkan pelajar memperkembangkan keempat-empat kemahiran bahasa sekaligus iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Kamarudin Husin, 1988).

Pelaksanaan perancangan ini perlulah sistematik dan teratur supaya mendapat hasil yang diingini. Menurut Kamarudin Hj. Hussin (1988), pengendalian suatu organisasi yang benar-benar berlaku adalah bila berada dalam bilik darjah di mana ia digunakan untuk mencapai sesuatu objektif. Oleh itu, satu muslihat, strategi atau teknik yang tepat digunakan oleh guru

adalah penting untuk mencapai hasil segera yang maksimum pada waktu mengajar .

Ray merupakan pelajar lelaki Tahun 3 merupakan anak kembar yang berumur 9 tahun. Beliau merupakan seorang murid yang aktif dan suka bertanya apabila sesi pembelajaran berjalan. Ray juga seorang yang bersih dan kemas apabila ke sekolah. Namun beliau mempunyai personaliti yang sangat mudah ‘tersentuh’ kerana apabila ditegur, Ray akan menangis. Latar belakang keluarganya adalah sederhana tetapi dilengkapi dengan keperluan seperti televisyen, permainan video, basikal, elektrik dan air. Jika dilihat cara penampilan, Ray bukan seorang murid yang bermasalah tetapi apabila berada dalam bilik darjah, Ray merupakan seorang yang lambat menerima sesuatu dan lambat untuk memahami isi kandungan pelajaran.

Kadang kala apabila saya menunjuk suku kata menggunakan Carta Suku Kata KV, Ray akan dapat membunyikan dengan tepat dan kadang kala tidak dapat membunyikan apabila melibatkan suku kata “ma, na, ci, si, da, ba, ga, ja”. Ray mempunyai masalah untuk mengingat dan berlaku kekeliruan. Semasa pengajaran, kelihatan Ray seolah-olah boleh membunyikan suku kata dengan betul, tetapi bila tahap pengukuhan atau membuat latihan Ray, tidak boleh menjawab dengan betul.

Namun begitu, Ray tidak mempunyai masalah untuk menyelesaikan tugas yang diberikan dengan baik sama ada dalam kelas ataupun kerja rumah. Dari segi kehadiran ke sekolah pula, Ray jarang ponteng kecuali sakit atau hal-hal yang tidak dapat dielakkan. Apa yang menjadi kemasukan saya adalah Ray kenal semua huruf abjad dan apabila diarahkan mengeja suku kata KV, Ray dapat ejा dengan baik dan membunyikan dengan baik. Namun, apabila digabungkan suku kata KV+KV seperti “BUKU”, Ray akan cenderung mengingat suku kata terakhir “KU” dan membunyikan suku kata tersebut sebagai “KUKU”. Kesilapan ini tidak seharusnya berlaku mamandang Ray sudah menguasai suku kata KV dengan baik, dan jika masalah Ray ini dapat diatasi, Ray akan dapat menguasai kemahiran membaca.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Setelah mengenal pasti pemasalahan yang dialami oleh Ray, maka saya telah merancang satu pelan tindakan atau teknik untuk membantu Ray menguasai kemahiran KV, KVKV dan seterusnya boleh menguasai kemahiran membaca. Antara tujuan kajian adalah untuk membolehkan Ray:

- mengecam suku kata KVKV yang bermakna,
- menunjuk suku kata KVKV dengan tepat;
- membunyikan suku kata KVKV; serta
- menulis suku kata KVKV dengan tepat.

### **1.5 Perancangan Tindakan**

Bagi mencapai objektif yang telah digariskan, saya memulakan aktiviti dengan mencari bahan visual yang menarik dan merakam bunyi suku kata KVKV yang tepat dan jelas untuk membantu Ray. Oleh itu, saya memulakan langkah dengan merancang satu aktiviti dan proses pengajaran yang menarik. Apabila waktu pengajaran Bahasa Melayu Pemulihan, saya akan lebih membuat tumpuan kepada Ray, selalu bertanya dan mengarahkan Ray mengeja dan membunyikan secara solo dan selalu membuat pemantauan ke atas Ray dari semasa ke semasa. Saya akan berjumpa Ray apabila waktu membuat latih tubi dijalankan dan membimbing Ray membuat latih tubi dengan betul.

### **2.0 Pelaksanaan Tindakan**

Bermula dengan semakan kertas soalan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu Bertulis pada 2 Julai 2009, saya telah memulakan langkah untuk membantu Ray. Perkara yang saya buat adalah memulakan pengajaran pada peringkat abjad dahulu. Setelah Ray tidak keliru dan kenal semua huruf barulah saya perkenalkan dengan suku kata KV. Namun, kaedah suku kata ini perlu diajar mengikut tahap kesusahan di mana saya harus mengajar menggunakan huruf yang senang dahulu seperti suku kata yang bermula dengan huruf ‘b k’ ‘s t’ ‘m r’ dan ‘g n’, dan mengelak untuk mengajar huruf yang hampir sama seperti ‘b d’ ‘g j’ ‘m n’ ‘m w’ dan ‘u v’ kerana ia akan menyukarkan murid.

Pengajaran ini pada mulanya menggunakan ‘Carta Suku Kata KV’ sebagai alat bantu mengajar dan apabila sudah menguasainya, saya mengarahkan Ray menunjuk suku kata KV yang saya sebut. Setelah Ray dapat menunjuk dengan tepat, saya menggunakan bahan bantu mengajar kedua iaitu ‘Kad Imbasan Bacalah Sayang’ yang dipilih secara rawak dan mengarahkan Ray membunyikan suku kata dengan tepat malalui bimbingan oleh guru. Kemudian barulah alat audio-visual yang menggunakan pita rakaman, LCD, komputer riba dan *microsoft Power Point* untuk mengajar suku kata KV dan KVKV.

Setelah Ray benar-benar menguasai kemahiran suku kata KV sama ada mengecam, membunyi dan menulis, Ray seterusnya didedahkan dengan kemahiran suku kata KVKV. Dalam pembelajaran ini, saya menggunakan gambar, rakaman audio, *Power Point*, pengukuhan berbentuk kuiz dan latihan yang bersifat permainan. Sebelum memperkenalkan suku kata KVKV, saya akan memaparkan gambar dahulu dan mengarahkan murid menyebut nama gambar tersebut seperti yang ditunjukkan pada contoh berikut.



Guru : Ini gambar apa?  
Murid : LABU  
Guru : Mari eja bersama  
Murid : L/A/B/U, LA (la...)/BU (bu...) = LABU...

Kaedah ini digunakan secara berulang sehingga Ray benar-benar boleh mengecam, membunyikan, menunjuk dan menulis suku kata dengan baik. Ejaan dan bunyi disebut oleh Ray secara berulang dan beberapa kali sehingga beliau benar-benar dapat membunyikan dengan sebutan yang tepat. Saya membimbing Ray membunyikan suku kata dengan tepat. Pada masa inilah, saya menekankan huruf dan bunyi dengan tepat supaya Ray boleh membunyikan suku kata tanpa berpandukan gambar contohnya:

	LABU
Guru	: Mari eja bersama
Murid	: L/A/B/U, LA (la...)/BU (bu...) = LABU...

Kaedah mengeja dan membunyikan kerap digunakan sehingga Ray benar-benar boleh mengeja dan membunyikan tanpa berpandukan gambar dengan tepat.


### 3.0 Kaedah Kajian

Dalam kajian tindakan ini, saya menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat perubahan Ray dan ia dijalankan selama 11 minggu iaitu 2 hari seminggu atau dua jam setengah untuk seminggu semasa proses p&p berlangsung untuk Bahasa Melayu Pemulihan.


### 4.0 Dapatan Kajian

Setelah kerap menggunakan gambar dan membunyikan dengan tepat, latihan diberikan untuk melihat kesan kesan tindakan yang dibuat. Selain menggunakan kaedah kuiz dengan bantuan *Microsoft Power Point hyperlink* yang sangat digemari oleh Ray, malahan disukai oleh murid lain dan setelah bimbingan yang dibuat dalam kelas, dan setiap ejaan dan bunyi yang tidak tepat diperbetulkan dengan segera dengan sebutan yang betul dari semasa ke semasa, saya mendapai bahawa terdapat perubahan ketara pada Ray.

Bila saya mengarahkan Ray mengeja dan membunyikan suku kata KVKV, beliau dapat menjawab dengan tepat. Begitu juga jawapan pada latihan yang diberi. Rajah 3 dan Rajah 4 adalah hasil kerja Ray selepas tindakan dijalankan.



Rajah 3: Hasil kerja Ray selepas tindakan



Rajah 4: Hasil kerja Ray selepas tindakan dan hasil terkini

Hasil kerja ini saya semak selepas sahaja proses pengajaran dijalankan dan mendapati bahawa Ray telah menguasai kemahiran suku kata KVKV. Begitu juga apabila saya mengarahkan beliau menulis suku kata KVKV yang saya sebut, Ray dapat menulis dengan tepat tanpa melihat gambar dan tidak keliru apabila diarahkan untuk membunyikan dan mengeja suku kata KVKV. Saya mengharapkan agar perubahan positif ini berterusan, Ray tidak keliru, boleh menulis dengan lancar dan boleh membaca. Perubahan pada Ray menyebabkan beliau tidak memerlukan bimbingan insentif lagi.

## 5.0 Refleksi

Setelah hampir tiga bulan membuat pemerhatian, membuat perancangan, mengumpul bahan dan melaksanakan pengajaran yang menarik, akhirnya kaedah bimbingan membawa hasil yang begitu memberangsangkan yang objektif yang digariskan tercapai. Kaedah Eklektik dan Kaedah Oral-Aural ke atas Ray mempunyai kesan yang baik. Tidak ada kata yang boleh diucapkan selain bersyukur kerana Ray boleh mengecam, menulis, membunyikan dan mengingat suku kata KVKV dengan baik, dan saya juga

bersyukur kerana kaedah yang dipilih tepat berdasarkan perubahan positif yang dilihat.

Semasa menjalankan kajian ini, saya hampir putus asa melihat Ray pada mulanya yang tidak menunjukkan sebarang perubahan positif sehingga penggunaan ausio-visual yang membuatkan Ray bermotivasi untuk belajar dan seronok belajar sambil melihat gambar. Saya mendapati bahawa kepuasan dari segi deria sentuhan, lihat, rasa dan hidu serta juga persekitaran bilik darjah yang kondusif memainkan peranan penting untuk mendorong kepuasan dalam pembelajaran.

Kesimpulannya, Kaedah Eklektik dan Kaedah Oral-Aural yang dipilih ini membawakan hasil dan sesuai digunakan bagi murid pemulihian seperti Ray khasnya kerana kaedah ini membolehkan murid untuk mudah mengingat dan menyebut dengan tepat selain memberi penekanan kepada penulisan. Kaedah ini mendorong kemahiran membaca, menulis, mengeja dan mengingat akan dapat dijalankan sekaligus, dan sesuai untuk pengajaran bahasa khasnya.

Oleh yang demikian, saya akan merasa terkilan dan rugi sekiranya tidak dapat membantu Ray kerana bagi saya, Ray mempunyai peluang yang cerah untuk menguasai kemahiran membaca jika dilihat dari segi ketekunan dan semangat ingin tahu yang tinggi yang ada pada Ray. Saya mendapati sepanjang menjalankan kajian ini, apa yang paling penting adalah keprihatinan terhadap setiap pemasalahan anak murid. Sikap ambil berat juga perlu bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi semasa proses p&p.

## **Bibliografi**

Isahak Haron. (2009). *Awal membaca Bahasa Melayu: Kaedah suku kata*. Dimuat turun daripada <http://www.kaedahsukukata.com> pada 18 Julai 2009.

Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman.